

**Anggota Umno Diingat Terus Bersatu Untuk Tawan Semula Selangor**  
**Bernama**  
**8 September, 2012**

KUALA KUBU BAHARU, 8 Sept (Bernama) -- Anggota Umno perlu terus mengukuhkan perpaduan dalam parti untuk membantu Barisan Nasional (BN) memenangi semula negeri Selangor pada pilihan raya umum ke-13 (PRU-13), kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Beliau berkata anggota Umno perlu mengambil contoh kemenangan pada pilihan raya kecil Parlimen Hulu Selangor pada 2010 sebagai bukti Selangor boleh ditawan semula atas semangat perpaduan dan kerajinan anggota parti.

"Kalau dalam pilihan raya kecil di negeri yang pembangkang sedang memerintah dan menggunakan jentera sekuat-kuatnya pun kita mampu tawan, apatah lagi pada pilihan raya umum.

"Selain kesatuan dan kesaksamaan, pengorbanan juga harus ditahap yang tinggi. Jangan korbankan parti kerana kepentingan peribadi. Kita harus berjuang tingkatkan gerak kerja kita," katanya kepada pemberita selepas merasmikan serentak persidangan perwakilan Wanita, Pemuda dan Umno bahagian Hulu Selangor di sini, pada Sabtu.

Turut hadir Anggota Parlimen Hulu Selangor P.Kamalanathan dan Ketua Umno Hulu Selangor Datuk Mohamed Idris Abu Bakar.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693059>